



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8/2017**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**HARI-HARI KELEPASAN AWAM TAHUN 2018**

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa hari-hari dan tarikh-tarikh yang berikut adalah diisytiharkan sebagai Hari-Hari Kelepasan Awam bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2018 :-

Awal Tahun Masihi	—	Hari Isnin, 14 Rabiulakhir 1439 bersamaan 1 Januari 2018
Tahun Baru Cina	—	Hari Sabtu, 1 Jamadilakhir 1439 bersamaan 17 Februari 2018 (sebagai ganti Hari Jumaat, 30 Jamadilawal 1439 bersamaan 16 Februari 2018)
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34	—	Hari Sabtu, 8 Jamadilakhir 1439 bersamaan 24 Februari 2018 (sebagai ganti Hari Jumaat, 7 Jamadilakhir 1439 bersamaan 23 Februari 2018)
Isra' Dan Mi'raj	—	Hari Sabtu, 27 Rejab 1439 bersamaan 14 April 2018
* Awal Ramadhan (Puasa)	—	Hari Khamis, 1 Ramadhan 1439 bersamaan 17 Mei 2018
Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei	—	Hari Khamis, 15 Ramadhan 1439 bersamaan 31 Mei 2018
* Memperingati Nuzul Al-Qur'an	—	Hari Sabtu, 17 Ramadhan 1439 bersamaan 2 Jun 2018
* Hari Raya Aidil Fitri	—	<ul style="list-style-type: none"><li>• Hari Sabtu , 2 Syawal 1439 bersamaan 16 Jun 2018</li><li>• Hari Isnin, 4 Syawal 1439 bersamaan 18 Jun 2018 (sebagai ganti Hari Jumaat, 1 Syawal 1439 bersamaan 15 Jun 2018)</li><li>• Hari Selasa, 5 Syawal 1439 bersamaan 19 Jun 2018 (sebagai ganti Hari Ahad, 3 Syawal 1439 bersamaan 17 Jun 2018)</li></ul>



- 2 -

Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72	—	Hari Isnin, 3 Zulkaedah 1439 bersamaan 16 Julai 2018 (sebagai ganti Hari Ahad, 2 Zulkaedah 1439 bersamaan 15 Julai 2018)
* Hari Raya Aidil Adha	—	Hari Rabu, 10 Zulhijjah 1439 bersamaan 22 Ogos 2018
Awal Tahun Hijriah 1440	—	Hari Selasa, 1 Muharram 1440 bersamaan 11 September 2018
Maulud Nabi Muhammad <i>Sallallahu 'Alaihi Wasallam</i>	—	Hari Selasa, 12 Rabiulawal 1440 bersamaan 20 November 2018
Hari Krismas	—	Hari Selasa, 17 Rabiulakhir 1440 bersamaan 25 Disember 2018

**\* Tertakluk kepada Perubahan**

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

**"Memperkasa Daya Saing Ke Arah Peningkatan Produktiviti"**

  
**(HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD)**  
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : ( 8 ) JPM/SK/2017  
Tarikh : 24 Zulkaedah 1438  
17 Ogos 2017